



# PELAKSANAAN MODUL PEMERKASAAN MAHASISWA

OLEH MAJLIS PERWAKILAN  
PELAJAR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

innovative • entrepreneurial • global



# 1.0 LATAR BELAKANG



1. Agenda pemerkasaan mahasiswa yang sedang direalisasikan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bukanlah hanya memfokuskan kepada pindaan undang-undang bagi menjalankan pilihan raya memilih wakil pelajar sahaja, malah ia turut melibatkan pemberian autonomi pengurusan aktiviti pelajar serta pemberian autonomi pengurusan kewangan pelajar sejajar dengan amanat YBM KPT pada Januari 2023 yang lalu. Oleh yang demikian, pihak KPT telah meminta pihak universiti melaksanakan pemerkasaan mahasiswa dengan pantas dan tuntas. Pihak KPT telah meminta pihak universiti untuk memberikan laporan berkala akan pelaksanaan agenda tersebut.
2. Selain itu, agenda tersebut turut merangkumi usaha meningkatkan kualiti dan mutu serta jalinan kerjasama dengan industri, keselamatan dan kesejahteraan di kampus, sekali gus merangkumi kebolehpasaran graduan dalam mengupayakan para mahasiswa mengukuh kematangan dan kedewasaan masing-masing.
3. Justeru itu, **Persatuan Mahasiswa Fakulti / Sekretariat Mahasiswa Fakulti** merujuk kepada perkumpulan atau organisasi yang terdiri daripada mahasiswa yang mengikuti program pengajian di fakulti atau jabatan tertentu di sebuah universiti atau institusi pendidikan tinggi.

## 2.0 OBJEKTIF PEWUJUDAN

**01**

Mewakili kepentingan mahasiswa fakulti yang mana bertindak sebagai perwakilan untuk mahasiswa dalam fakulti atau program pengajian tertentu sekali gus memainkan peranan dalam memastikan suara dan keperluan mahasiswa didengar dan dipertimbangkan oleh pentadbiran universiti.

**02**

Melahirkan mahasiswa fakulti yang berdisiplin, mempunyai ciri-ciri kepimpinan dan mampu membawa nama fakulti ke peringkat yang lebih tinggi.

**03**

Membantu pengurusan fakulti dalam menguruskan kebajikan pelajar-pelajar fakulti dan sebagai medium perantaraan antara pengurusan fakulti dan pelajar di setiap fakulti.

**04**

Mewujudkan program atau kegiatan yang mempunyai impak yang tinggi kepada individu, masyarakat dan negara.


# Pemetaan kelab/persatuan akademik mengikut fakulti adalah seperti yang berikut:

FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM		1	FAKULTI SAINS		2
Persatuan Kejuruteraan Awam	PEKA		Persatuan Pelajar Biosains (SYMBIOSIS)	SYMBIOSIS	
FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL		6	FAKULTI ALAM BINA & UKUR		8
Mechanical Engineering Student Association (MESA)	MESA		Persatuan Senibina Lanskap (EARTH)	EARTH	
Kelab Kaji Terbang UTM (AERO CLUB)	AERO CLUB		Kelab GEOINFORMATIK (GEOINFO)	GEOINFO	
Persatuan Teknologi Marin (TEKNOMARIN)	TEKNOMARIN		Kelab Pentadbiran & Pembangunan Tanah (LADS)	LADS	
Society of Automotive Engineers UTM (SAE)	SAE		Persatuan Pengurusan & Penilaian Harta Tanah (PEHARTA)	PEHARTA	
SC Manufacturing Engineering (SME UTM)	SME UTM		Persatuan Seni Bina UTM (ARCHITECH)	ARCHITECH	
KELAB AUTOMOTIVE TECHNOLOGY	AUTECH		Persatuan Ukur Bahan & Pembinaan (QS-BINA)	QS-BINA	
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK		4	PERSATUAN MAHASISWA UKUR TANAH (PEMETA)	PEMETA	
Persatuan Pelajar Kejuruteraan Elektrik (JURUTEK)	JURUTEK		Persatuan Mahasiswa Perancangan Bandar & Wilayah (PEWIBAWA)	PEWIBAWA	
Institute of Electrical and Electronics Engineers Universiti Teknologi Malaysia Power & Energy Society Student Branch Chapter (IEEE UTM PES SBC)	IEEE UTM PES SBC		FAKULTI SAINS SOSIAL & KEMANUSIAAN		3
Persatuan Kejuruteraan Bioperubatan & Sains Kesihatan (BIOMEHS)	BIOMEHS		Persatuan Mahasiswa Pendidikan (PENDIDIK)	PENDIDIK	
Equin Scholar Society	ESS		Student of Human Resource Development Society (SMART)	SMART	
FAKULTI KEJURUTERAAN KIMIA & TENAGA		6	Psychology Interactive Club (PSYCHIC)	PSYCHIC	
Persatuan Pelajar Kejuruteraan Bio-Proses (BIOSS)	BIOSS		FAKULTI PENGURUSAN		2
Persatuan Pelajar Kejuruteraan Gas (GESS)	GESS		Kelab Perakaunan UTM (UTMAC)	UTMAC	
Institution of Chemical Engineers UTM SC (ICHEME UTM SC)	ICHEME UTM SC		Persatuan Mahasiswa Pengurusan (STRATEGI)	STRATEGI	
Nuclear Engineering Student Society (NESS)	NESS		STUDENT CHAPTER		4
Society of Petroleum Engineering (SPE UTM)	SPE UTM		Kelab Kejuruteraan Industri (IEC UTM)	IEC UTM	
	AMTEC		Institute of Engineers Malaysia, Student Chapter UTM (IEM UTM)	IEM UTM	
FAKULTI KOMPUTER		2	Institute of Materials Malaysia UTM Student Section (IMM)	IMM	
Persatuan Mahasiswa Sains Komputer (PERSAKA)	PERSAKA		IET On Campus UTM (IET UTM)	IET UTM	
Computer Graphics & Multimedia Association (CGMA)	CGMA		American Chemical Society UTM International Student Chapter (ACS)	ACS	

 Persatuan Mahasiswa Fakulti

### 3.1 Struktur Organisasi

## Persatuan Mahasiswa Fakulti / Sekretariat Mahasiswa Fakulti



## 3.2 Peranan dan Tanggungjawab

1

Persatuan Mahasiswa Fakulti / Sekretariat Mahasiswa Fakulti berfungsi sebagai perwakilan utama untuk mahasiswa dalam fakulti atau program pengajian tertentu seterusnya membawa suara dan keperluan mahasiswa kepada pentadbiran universiti dan fakulti.

2

Menganjurkan aktiviti sosial, seni, atau kebudayaan seperti majlis kebudayaan, pertunjukan seni, dan festival seterusnya menyediakan sokongan akademik kepada mahasiswa, termasuk bantuan dalam perkara-perkara seperti kajian, tugas, dan pengurusan masa.

3

Menganjurkan atau menyokong pelbagai aktiviti dalam fakulti, termasuk seminar, bengkel, lawatan industri, dan perbincangan akademik serta kelab-kelab di bawah naungan fakulti.

4

Memainkan peranan dalam wakilkan mahasiswa dalam proses membuat keputusan di peringkat fakulti atau universiti, memastikan bahawa suara mahasiswa diambil kira.

## 4.0 SUMBER KEWANGAN

4.1 Sumber kewangan adalah melalui:

- 4.1.1 Yuran Keahlian
- 4.1.2 Fakulti
- 4.1.3 Peruntukan daripada Majlis Perwakilan Pelajar

## 5.0 TATACARA PELAKSANAAN MESYUARAT

- Persatuan Mahasiswa Fakulti / Sekretariat Mahasiswa Fakulti perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali sebulan atau sekiranya perlu;
- Kehadiran mesyuarat hendaklah sekurang-kurangnya satu perdua (1/2) jumlah ahli jawatankuasa (pengerusi, timbalan pengerusi, setiausaha, bendahari, EXCO dan Ahli-ahli) bagi tujuan pengesahan minit mesyuarat serta merangka strategi, tindakan dan program memperkasa Persatuan Mahasiswa Fakulti;
- Notis pemberitahuan mesyuarat diedarkan kepada ahli jawatankuasa sama ada melalui surat, faks atau mel elektronik.

## 6.0 KESIMPULAN

Melalui penubuhan Persatuan Mahasiswa Fakulti / Sekretariat Mahasiswa Fakulti ini, diharapkan usaha berterusan untuk melahirkan mahasiswa yang mempunyai literasi yang baik terutamanya daripada segi peranan mereka sebagai seorang pemimpin dalam menerajui persatuan yang bernaung di bawah PMF ini.

# TERIMA KASIH



In the Name of God for Mankind



[utm.my](http://utm.my)



[univteknologimalaysia](https://www.facebook.com/univteknologimalaysia)



[@utmofficial](https://www.instagram.com/utmofficial)